

Strategi kukuh daya tahan

Langkah jangka panjang memberi manfaat kepada seluruh rakyat

KUALA LUMPUR: Walaupun Bajet 2006 yang dibentangkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam tidak banyak menyediakan 'habuan' secara langsung, langkah dan strategi yang diumumkan memberi manfaat besar kepada seluruh rakyat, terutama bagi tempoh jangka panjang.

Ketika membentangkan bajet bertemakan 'Membina ketahanan, menghadapi cabaran' itu, Perdana Menteri menggariskan pelbagai langkah dan strategi bagi mengukuhkan daya tahan dan kemapanan pertumbuhan ekonomi negara.

Pada masa sama, ia turut menyediakan insentif dengan tumpuan kepada pembangunan infrastruktur dan pendidikan bagi meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat, terutamanya yang berpendapatan rendah.

Langkah itu secara tidak langsung akan menyediakan pelbagai peluang perniagaan dan pekerjaan.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun mengingatkan perlunya segenap lapisan masyarakat bersama-sama dengan kerajaan memikul tanggungjawab bagi mengharungi cabaran perkembangan ekonomi global, terutama kenaikan harga minyak mentah.

"Negara tidak dapat mengelak daripada menghadapi kesan negatif perkembangan ekonomi global. Bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengambil langkah mengurangkan kesannya ke atas ekonomi negara. Namun, sebarang penyesuaian harus dipikul bersama oleh Kerajaan dan rakyat.

"Dalam konteks kenaikan harga minyak dan barangan lain, rakyat perlu membuat penyesuaian dan pengorbanan termasuk perubahan dalam corak perbelanjaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, ekoran kejayaan kerajaan mencapai matlamatnya untuk mengurangkan defisit bajet, ia kini mempunyai ruang untuk menumpukan kepada pembangu-

nan bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi.

Sehubungan itu, kerajaan meningkatkan perbelanjaannya sebanyak lima peratus kepada RM136.8 bilion tahun depan di mana RM101.3 bilion bagi peruntukan mengurus dan RM35.5 bilion bagi pembangunan, iaitu 13 peratus lebih tinggi daripada peruntukan tahun ini.

Menghuraikan perancangan kerajaan untuk kepentingan rakyat bagi tahun depan, iaitu tahun pertama bagi tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), beliau berkata Bajet 2006 akan ditumpukan kepada empat strategi utama, iaitu:

- Melaksanakan langkah proaktif kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi;

- Menyediakan persekitaran mesra perniagaan;

- Membangunkan modal insan; dan,

- Meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup.

Abdullah berkata, bagi merencanakan kegiatan ekonomi, langkah akan diambil bagi memesatkan pembangunan luar bandar, mengoptimalkan penggunaan infrastruktur sedia ada dan memperbaiki lagi sistem pe-

“Kerajaan sentiasa mengambil langkah mengurangkan kesan negatif perkembangan ekonomi global ke atas ekonomi negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

nyampaian perkhidmatan awam.

Untuk memperbaiki lagi ekonomi dan infrastruktur di luar bandar pula, peruntukan RM5.7 bilion disediakan dengan sebahagian besar, iaitu RM2.7 bilion adalah untuk projek pertanian, khususnya kegiatan menambah nilai yang boleh menjana pendapatan lebih tinggi kepada petani.

Kerajaan juga, katanya memperuntukkan RM1.2 bilion bagi program pelajaran, RM581 juta bagi membina dan menaik taraf jalan serta 299 juta bagi menyediakan bekalan air dan elektrik.

Perdana Menteri turut menggariskan pelbagai langkah bagi mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Bagi menyediakan persekitaran mesra perniagaan, Abdullah mengemukakan langkah mengurangkan kos kendalian perniagaan, memantapkan pasaran modal, membangunkan sumber pertumbuhan baru dan memodenkan sektor pertanian.

Selain itu, beliau turut menggariskan langkah membangunkan sektor bioteknologi, memperhebatkan sektor teknologi maklumat dan komunikasi, kegiatan penyelidikan dan pembangunan serta mengukuhkan perusahaan kecil dan sederhana.

Abdullah berkata, pembangunan sumber manusia adalah elemen terpenting dalam memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam era ekonomi yang berlandaskan pengetahuan, serta bertunjangkan sains dan teknologi.

Oleh itu, katanya RM5 bilion diperuntukkan bagi pendidikan dan latihan.

Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, Abdullah berkata tumpuan diberikan kepada usaha meringankan beban kewangan rakyat, membasmi kemiskinan dan penyediaan rumah kepada golongan berpendapatan rendah.



SERAH: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menerima dokumen draf Bajet 2006 daripada Abdullah yang menghadap baginda di Istana Negara, semalam.